

PM DEDAH KOMPLOT

DATUK SRI DR
MAHATHIR

Jemput negara asing ancam kerajaan

SLIM RIVER, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengancam golongan tertentu yang cuba menjatuhkan imej negara dengan menjemput dan memaksa negara lain 'campur tangan' untuk mengancam Kerajaan.

Tindakan tersebut, tegas Perdana Menteri, perlu diawasi supaya Kerajaan tidak tunduk atau tertakluk dengan pendapat dan arahan mereka.

"Kita sekarang sudah merdeka, jika kita tunduk bermakna negara belum lagi merdeka," kata beliau ketika merasmikan bangunan

baru UMNO Bahagian Tanjung Malim di sini.

Ketibaan beliau dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohammad Haji Wan Teh, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, beberapa Wakil-wakil Rakyat dari Perak dan lebih 2,000 penduduk setempat.

Pelapis

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pilihanraya umum telah berlaku dan rakyat memilih semula Kerajaan untuk memerintah negara seterusnya.

"Ini bermakna rakyat menyokong dasar Kerajaan dan yang kalah tidak patut mencari sokongan dari luar untuk menentang Kerajaan," tambahnya.

Menurut beliau, negara kini menghadapi berbagai masalah seperti ancaman penganas komunis. "Beban masalah ini tidak harus ditambah lagi dengan ancaman dan desakan golongan tertentu," katanya lagi.

Perdana Menteri juga mengesahkan sebilangan pemimpin veteran UMNO yang enggan melepaskan jawatan masing-masing seperti Ketua Bahagian kepada orang lain yang masih muda dan berkaliber.

"Setengahnya enggan melepaskan jawatan meskipun telah uzur dan memimpin selama 30 tahun," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menafikan sumbangan pemimpin veteran itu kepada negara. "Tapi berilah peluang kepada tokoh-tokoh muda.

"Ini disebabkan negara memerlukan pemimpin pelapis untuk mengekalkan UMNO sebagai pertubuhan politik terbesar dan utama," kata beliau.

Perdana Menteri memuji dan mengucapkan tahniah kepada Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim, Haji R.M. Idris yang berada melekatkan jawatannya hari ini.

Timbalan Ketua, Enck Deulkarmain Haji Abdul Rahman dalam ucapannya menyatakan kesediaannya mengambailah teraju di peringkat bahagian itu.

"Saya ucapkan tahniah kepada Haji R.M. Idris. Saya harap tindakannya ini dicontohi oleh pemimpin-pemimpin veteran UMNO yang lain," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dalam ucapannya juga menyatakan keazli kerana sambutan terhadap Tabung Kutipan Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur tidak memuaskan.

Beliau berharap, ahli UMNO seramai 50,000 orang dapat menyumbangkan seringgii seorang setiap bulan.

Tapi apa yang dapat dikumpul sekarang sanggup mendukacitakan. Saya harap di masa depan satu perangnya dapat dibuat supaya setiap ahli UMNO mendermakan seringgii sebulan," katanya lagi.

No. Siri 2921
No. Penerimaan 666/85